

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 FEBRUARI 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Waktu operasi PKOB Majlis Keselamatan Negara di Sarawak disingkatkan lagi	Bernama.com
2	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga selasa	Bernama.com

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 FEBRUARI 2015 (SABTU)



Waktu Operasi PKOB Majlis Keselamatan Negara Di Sarawak Disingkatkan Lagi

KUCHING, 7 Feb (Bernama) -- Ekoran keadaan banjir yang semakin bertambah reda di Sarawak, waktu operasi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Majlis Keselamatan Negara di sini akan hanya beroperasi antara pukul 8 pagi dan 6 petang, bermula hari ini.

PKOB dibuka 24 jam sehari sejak awal tahun ini, sebelum tempoh waktunya dikurangkan kepada antara 8 pagi dan 10 malam dua hari lepas, apabila keadaan banjir di seluruh Sarawak sudah semakin reda.

MKN Sarawak dalam satu kenyataan hari ini berkata orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan amaran bencana terkini dengan melayari laman web www.portalbencana.mkn.gov.my.

Menurutnya bagi mendapatkan bacaan paras air sungai-sungai utama di Sarawak menerusi Sistem Telemetri daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula, mereka boleh melayari laman web www.ihydro.did.sarawak.gov.my.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa hari ini hanya sebuah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Kuala Kenyana di Bahagian Mukah yang mempunyai 31 pelajar, ditutup akibat banjir.

Sementara itu menurutnya **Jabatan Meteorologi Malaysia** mengeluarkan Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora (Kategori Kedua) yang menyaksikan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kmsj boleh mengakibatkan ombak yang mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter, di kawasan perairan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Keadaan yang dijangka berterusan sehingga Selasa ini adalah berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk kegiatan menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 FEBRUARI 2015 (SABTU)



Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Hingga Selasa

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Amaran angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori kedua di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South dan Kuching dijangka berterusan sehingga Selasa ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini menyatakan angin kencang berkelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) dengan ketinggian ombak sehingga 4.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti perkапalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Angin kencang dan keadaan laut bergelora turut melanda kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak hingga Selasa ini, dengan angin kencang pada kelajuan 50 hingga 60 kmsj dan ketinggian ombak sehingga 4.5 meter.

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkапalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri, kata kenyataan itu.

Selain itu, kawasan pantai tersebut terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut.

Sementara itu, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kmsj dan ombak mencapai sehingga 3.5 meter pula dijangka berterusan sehingga Selasa melibatkan kawasan perairan Sabah (Kudat, pantai barat, pedalaman), Wilayah Persekutuan Labuan dan perairan Labuan.

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA